

21/03/2004

Dr Mahathir terkejut Nik Aziz pernah ke syurga

KANGAR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad mengaku terkejut apabila Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Aziz Nik Mat mendakwa pernah masuk syurga dan neraka.

Dr Mahathir berkata, wawancara dengan Nik Aziz itu yang dibacanya pagi semalam dilaporkan di Singapura tetapi tidak disiarkan di negara ini.

"Saya terkejut pagi ini (semalam) dengan wawancara yang dibuat seorang pemberita dari Singapura. Wawancara ini dilaporkan di Singapura dan tidak di sini," katanya ketika berucap pada majlis Jasamu Dikenang di Dewan Warisan di sini, semalam.

Turut hadir, isterinya, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali; Menteri Besar, Datuk Seri Shahidan Kassim dan Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Azmi Khalid.

Dr Mahathir berkata, dalam wawancara dengan seorang pemberita wanita Cina itu, Nik Aziz ditanya bagaimana dia tahu orang di syurga itu ahli Pas dan adakah dia (Nik Aziz) pernah ke sana (syurga).

Katanya, Nik Aziz menjawab dia pernah ke sana dan pemberita itu bertanya lagi, apakah yang dilihatnya di syurga.

Nik Abdul Aziz dikatakan menjawab, di syurga terdapat banyak orang miskin dan semua orang kaya tidak boleh masuk syurga.

Dr Mahathir berkata, pemberita wanita Cina itu juga bertanya apakah dia pernah ke neraka, dan Nik Aziz menjawab, dia biasa ke sana (neraka).

"Kalau kita belum mati, macam mana kita mahu tahu syurga dan neraka," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata, pemberita wanita itu bertanya lagi kepada Nik Abdul Aziz, apakah yang dia nampak di neraka dan Nik Abdul Aziz dikatakan menjawab, beliau nampak ramai perempuan.

"Saya tidak tahulah ahli keluarga perempuan dia masuk syurga atau neraka," kata Dr Mahathir.